



**TERMS AND CONDITIONS FOR FIXED TERM ACCOUNT-i CAMPAIGN**  
(Eligible for protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI KEMPEN AKAUN BERJANGKA TETAP-i**  
(Layak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

**“WANG BESAR CAMPAIGN”**  
**“KEMPEN WANG BESAR”**

**Effective 15 October 2018 / Berkuat kuasa 15 Oktober 2018**

**1.0 DEFINITION**

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:-

- (a) “BMMB” or “the Bank” (whichever is applicable) means Bank Muamalat Malaysia Berhad (Company No. 6175.-W), an Islamic Banking Institution incorporated in Malaysia under the Companies Act 1965 and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and its registered address at Level 20, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- (b) “Board Rate” means the prevailing rate published in the corporate website and/or via any other electronic means and/or pasted at the Bank’s branches.
- (c) “Campaign” means Wang Besar Campaign where details are set out in this Terms and Conditions.
- (d) “Customer” means Individual or Non Individual Customers except for Customers who currently hold any deposit / placement made in BMMB’s Treasury and Capital Markets Division.
- (e) “Fresh Funds” means funds that do not originate from any existing account with BMMB.
- (f) “FTA-i” means the product of Fixed Term Account-i (Tawarruq) offered by BMMB.
- (g) “Ibra” means rebate. Waiving partially or totally a right to claim.

**2.0 CAMPAIGN PERIOD**

- 2.1 The Campaign period is from **15 October 2018** until **14 April 2019** (both dates inclusive) (“**Campaign Period**”).
- 2.2 BMMB reserves its absolute right and discretion to vary or amend the Campaign Period at any time whenever the Bank deem necessary, without assigning any reasons whatsoever.

**3.0 ELIGIBILITY & CRITERIA**

- 3.1 The following Customers are eligible to participate in this Campaign:-
  - a) Retail Individual - All new and existing Customer aged 18 years and above;
  - b) Retail Non-Individual - Small and Medium Enterprise (SME) customers’ of the Bank i.e. sole proprietorships, partnerships, associations, clubs, societies, professional bodies, co-operative, non-profit organization and etc as defined by Bank Negara Malaysia; and
  - c) The employees of the Bank and its subsidiaries including its directors, whether permanent or contractual basis are eligible to receive the promotional rate.

**1.0 DEFINISI**

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

- (a) “BMMB” atau “Bank” (yang mana berkenaan) bermakna Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat 6175-W), Institusi Perbankan Islam yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan alamat berdaftar di Tingkat 20, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- (b) “Kadar Lazim” ertinya kadar semasa yang disiarkan dalam laman web korporat dan / atau melalui apa-apa cara elektronik yang lain dan / atau ditampal di cawangan-cawangan Bank.
- (c) “Kempen” bermaksud Kempen Wang Besar yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat disini.
- (d) “Pelanggan” bermaksud Individu atau Bukan Individu melainkan Pelanggan yang mempunyai sebarang deposit / pelaburan di bawah seliaan Bahagian Perbendaharaan dan Pasaran Modal, BMMB.
- (e) “Dana Baharu” bermaksud dana yang bukan daripada akaun sedia ada di BMMB.
- (f) “ABT-i” bermaksud produk Akaun Berjangka Tetap-i (Tawarruq) yang ditawarkan oleh BMMB.
- (g) “Ibra” bermaksud rebat. Mengecualikan sebahagian atau sepenuhnya hak untuk menuntut.

**2.0 TEMPOH KEMPEN**

- 2.1 Tempoh Kempen ini bermula dari **15 Oktober 2018** hingga **14 April 2019** (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).
- 2.2 BMMB mempunyai hak dan budi bicaranya yang mutlak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa yang dianggap perlu oleh Bank, tanpa memberikan apa jua alasan.

**3.0 KELAYAKAN & KRITERIA**

- 3.1 Pelanggan berikut adalah layak untuk menyertai Kempen ini:-
  - a) Pelanggan Individu - Semua Pelanggan baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun dan ke atas;
  - b) Pelanggan Bukan Individu - Pelanggan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) baharu dan sedia ada Bank iaitu syarikat perseorangan, perkongsian, persatuan, kelab, pertubuhan, badan professional, koperasi, organisasi bukan bermotifkan keuntungan dan lain-lain seperti definisi Bank Negara Malaysia; dan
  - c) Kakitangan Bank dan anak-anak syarikat Bank termasuk para Pengarahnya, samada kakitangan tetap atau kontrak adalah layak untuk menerima kadar promosi Kempen ini.



**TERMS AND CONDITIONS FOR FIXED TERM ACCOUNT-i CAMPAIGN**  
*(Eligible for protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)*  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI KEMPEN AKAUN BERJANGKA TETAP-i**  
*(Layak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)*

**“WANG BESAR CAMPAIGN”**  
**“KEMPEN WANG BESAR”**

**Effective 15 October 2018 / Berkuat kuasa 15 Oktober 2018**

- |     |   |     |   |
|-----|---|-----|---|
| 3.2 | The deposit made in the Campaign must be from Fresh Funds.  | 3.2 | Dana yang digunakan untuk menyertai Kempen ini mestilah daripada Dana Baharu.   |
| 3.3 | Fund transfer or debiting from existing BMMB's Current Account and / or Savings Account is NOT allowed for participating in the Campaign. | 3.3 | Pemindahan dana atau debit daripada Akaun Semasa dan / atau Akaun Simpanan di BMMB adalah TIDAK layak untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini. |
| 3.4 | Minimum deposit for the Campaign is RM 10,000.00.   | 3.4 | Deposit minimum bagi Kempen ini ialah RM10,000.00.  |
| 3.5 | No maximum deposit for this Campaign.   | 3.5 | Tiada deposit maksima bagi Kempen ini.  |
| 3.6 | The Campaign tenure and rate offered is as follow:-   | 3.6 | Tempoh dan kadar yang ditawarkan bagi Kempen ini adalah seperti berikut:-   |

Category / Tenure	6 months
Retail Individual	3.99% per annum
Retail Non-Individual	3.99% per annum

Kategori / Tempoh	6 bulan
Pelanggan Individu	3.99% setahun
Pelanggan Bukan Individu	3.99% setahun

- |            |   |            |  |
|------------|---|------------|--|
| 3.7        | The promotional rate offered for the Campaign would require the customer to maintain the deposit placement(s) in FTA-i for the corresponding tenure until maturity from the date of Customer's placement(s). The profit will be paid upon maturity.                   | 3.7        | Pelanggan perlu mengekalkan penempatan deposit dalam ABT-i untuk tempoh yang sama sehingga matang bagi menikmati kadar promosi yang ditawarkan untuk Kempen ini. Keuntungan akan dibayar apabila matang.   |
| 3.8        | Partial withdrawal(s) is NOT allowed.   | 3.8        | Pengeluaran separa adalah TIDAK dibenarkan.  |
| 3.9        | In the event of the Customer makes premature withdrawal(s), the Customer undertakes to grant Ibra' on part or all of the agreed profits to the Bank (as the case may be) and disqualified from participating in the Campaign.   | 3.9        | Sekiranya Pelanggan membuat pengeluaran pramatang, Pelanggan berakujanji untuk memberi Ibra' atas sebahagian atau semua keuntungan yang telah dipersetujui kepada Bank (mengikut mana yang berkenaan) dan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini.          |
| 3.10       | Any premature withdrawal(s) may subject to the deposit placement(s) of the current Board Rate.  | 3.10       | Sebarang pengeluaran pramatang adalah tertakluk kepada Kadar Lazim semasa bagi penempatan deposit.   |
| 3.11       | Auto renewals of FTA-i after the required campaign placement(s) period will be subjected to the current Board Rate.   | 3.11       | Pembaharuan secara automatik setelah tempoh matang penempatan deposit ABT-i Kempen ini adalah tertakluk kepada Kadar Lazim semasa.   |
| 3.12       | Customers may choose to automatically renew their FTA-i placement(s) upon maturity of the Campaign tenure subject to the current Board Rate.  | 3.12       | Setelah tempoh matang, Pelanggan boleh memilih untuk memperbaharui secara automatik penempatan deposit ABT-i Kempen ini tertakluk kepada Kadar Lazim semasa.   |
| <b>4.0</b> | <b><u>GENERAL TERMS</u></b>   | <b>4.0</b> | <b><u>TERMA-TERMA AM</u></b>   |
| 4.1        | Customer is advised to read and understand the terms and conditions before participating in any of the Bank's campaigns and / or promotions.  | 4.1        | Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan / atau promosi Bank.   |
| 4.2        | To participate in the Bank's campaigns and / or promotions, Customer must fall within the Eligibility & Criteria of the Campaign.   | 4.2        | Pelanggan perlu memenuhi syarat Kelayakan & Kriteria Kempen bagi mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi Bank.   |
| 4.3        | By participating in the Campaign, the Customer is deemed to have agreed to be bound by the Terms and Conditions stipulated herein. The Customer also agrees and acknowledges that the Bank's decisions are final and no appeal and/or objections will be entertained. | 4.3        | Dengan menyertai Kempen, Pelanggan dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Pelanggan juga bersetuju dan mengakui bahawa keputusan Bank adalah muktamad dan tiada rayuan dan / atau bantahan akan dilayan.          |
| 4.4        | Any fraud and / or abuse relating to the placement(s) in FTA-i and Current Account / Savings Account shall disqualify the participation of the Customer in the Campaign and the Bank shall take the necessary action on the participant / Customer's account.         | 4.4        | Mana-mana penipuan dan / atau penyalahgunaan yang berkaitan dengan penempatan deposit dalam ABT-i dan Akaun Semasa / Akaun Simpanan akan membatalkan penyertaan Pelanggan dalam Kempen dan Bank akan mengambil tindakan yang perlu pada akaun peserta / Pelanggan. |



**TERMS AND CONDITIONS FOR FIXED TERM ACCOUNT-i CAMPAIGN**  
*(Eligible for protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)*  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI KEMPEN AKAUN BERJANGKA TETAP-i**  
*(Layak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)*

**“WANG BESAR CAMPAIGN”**  
**“KEMPEN WANG BESAR”**

**Effective 15 October 2018 / Berkuat kuasa 15 Oktober 2018**

- |     |  |     |  |
|-----|--|-----|--|
| 4.5 | The Bank does not warrant that the Campaign shall not be uninterrupted and / or error free. By participating in the Campaign, Customer hereby acknowledges and irrevocably agrees that the Bank shall not in any manner whatsoever be liable for any loss, claim, compensation and damages incurred by Customer arising from the interruption and / or any error during the Campaign period.   | 4.5 | Bank tidak menjamin bahawa Kempen tidak akan tergendala dan / atau bebas kesilapan. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian, tuntutan, pampasan dan kerosakan yang terhasil daripada gangguan dan / atau sebarang kesilapan yang dalam tempoh Kempen.   |
| 4.6 | The Bank reserves the right to amend, cancel, terminate or suspend the Campaign with adequate notice. Customer shall not be entitled to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages suffered or incurred whether as a direct or indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension of the Campaign.   | 4.6 | Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya. Pelanggan tidak berhak untuk mendapatkan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dideritai atau ditanggung sama ada secara langsung atau tidak langsung dari tindakan pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.  |
| 4.7 | Bank shall not be liable for any default, loss, claim, compensation and damages incurred by the Customer in respect of the Campaign due to any natural disaster, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, storm, technical or system failures and / out event beyond the reasonable control of the Bank.  | 4.7 | Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kegagalan, kerugian, tuntutan, pampasan dan kemusnahan yang ditanggung Pelanggan berkenaan dengan Kempen disebabkan dari bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat-masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sistem dan / atau peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.  |
| 4.8 | Bank shall NOT be responsible for and shall NOT be liable for (including but not limited):-<br><br>a) telephone, electronic, hardware or software program, network, internet, server or computer malfunctions, failures, interruptions, miscommunications or difficulties of any kind, whether human, mechanical or electrical, including without limitation to the incorrect or inaccurate capture of entry information online;<br><br>b) late, lost, delayed, misdirected, incomplete, illegible or unintelligible e-mails;<br><br>c) failed, incomplete, lost, garble, jumbled, interrupted, unavailable or delayed computer transmissions;<br><br>d) any situation resulting from events which are out of Bank's control which may resulted in the interruption or disruption of the Campaign;<br><br>e) any injuries, losses or damages of any kind arising in connection with or as a result of participation in the Campaign;<br><br>f) any printing or typographical errors in any materials associated with the Campaign; and<br><br>g) any claims by third party for infringement of intellectual property rights. | 4.8 | Bank TIDAK akan dipertanggungjawabkan untuk (termasuk tetapi tidak terhad):-<br><br>a) telefon, elektronik, program perkakasan atau perisian, rangkaian, internet, pelayan atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham atau sebarang kesulitan, sama ada secara kemanusiaan, mekanikal atau elektrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengambilan maklumat kemasukan secara talian yang tidak betul atau tidak tepat;<br><br>b) kelewatan, kehilangan, salah arah, tidak lengkap, e-mel yang tidak boleh dibaca atau difahami;<br><br>c) kegagalan, tidak lengkap, kehilangan, mengelirukan, campur aduk, terganggu, tidak terdapat atau kelewatan transmisi komputer;<br><br>d) sebarang keadaan yang disebabkan oleh acara-acara di luar kawalan Bank yang mungkin menyebabkan Kempen tergendala atau rosak;<br><br>e) sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan dalam sebarang bentuk disebabkan oleh atau bersangkutan dengan penyertaan di dalam Kempen;<br><br>f) sebarang percetakan atau kesilapan ejaan di dalam sebarang bahan yang bersangkutan dengan Kempen; dan<br><br>g) sebarang tuntutan oleh pihak ketiga ke atas pelanggaran hak harta intelek. |



**TERMS AND CONDITIONS FOR FIXED TERM ACCOUNT-i CAMPAIGN**  
(Eligible for protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI KEMPEN AKAUN BERJANGKA TETAP-i**  
(Layak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

**“WANG BESAR CAMPAIGN”**  
**“KEMPEN WANG BESAR”**

**Effective 15 October 2018 / Berkuat kuasa 15 Oktober 2018**

- |   |   |
|---|---|
| <p>4.9 Bank reserves the rights as it deem fit to vary or change any of these Terms and Conditions with notice. The Terms and Conditions may be varied or changed by the Bank by way of posting on the Bank's official website or in any other medium deemed suitable by the Bank. Customer who had participated in the Campaign is deemed to have accessed the Bank's website and to have knowledge of and to have agreed to any changes or variations to the Terms and Conditions. Customer(s) agree that their continued participation in the Campaign will constitute their acceptance of the Terms and Conditions (as varied or changed).</p> <p>4.10 Customer is advised to access the Bank's Website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any changes or variation to the Terms and Conditions thereof.</p> <p>4.11 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the FTA-i Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between FTA-i Terms and Conditions and the Campaign Terms and Conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to the Campaign.</p> <p>4.12 The Terms and Conditions herein shall be governed by and constructed in accordance with the laws of Malaysia and the Customer agrees to be bound by the jurisdiction of the Malaysian Courts.</p> <p>4.13 The Terms and Conditions including the discretion and / or rights and / or power given to any parties under this document shall be subject to Shariah principles.</p> <p>4.14 <b>In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version and the Malay version of the Terms and Conditions, the English version shall prevail.</b> In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions at any brochures, marketing and promotional materials relating to the Campaign or its promotion, the Terms and Conditions shall prevail.</p> | <p>4.9 Bank berhak untuk mengubah sepertimana yang dirasakan sesuai mana-mana bahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan notis. Terma-terma dan Syarat-syarat ini mungkin akan ditukar atau diubah oleh Bank melalui penyiaran di laman sesawang rasmi Bank atau dengan apa-apa cara yang dirasakan sesuai oleh Bank. Pelanggan yang telah menyertai Kempen ini dianggap telah melayari laman sesawang rasmi Bank dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang pertukaran atau perubahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Kempen akan dikira sebagai penerimaan mereka terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat (sepertimana yang ditukarkan atau diubahkan).</p> <p>4.10 Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.</p> <p>4.11 Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di dalam ini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Terma-terma dan Syarat-syarat ABT-i. Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ABT-i dan Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berkaitan Kempen ini.</p> <p>4.12 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.</p> <p>4.13 Terma-terma dan Syarat-syarat adalah termasuk budi bicara dan / atau hak dan / atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Shariah.</p> <p>4.14 <b>Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan Terma-terma dan Syarat-syarat antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.</b> Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma-terma dan Syarat-syarat di mana-mana risalah, bahan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.</p> |
|---|---|

**For more information, please visit our nearest branch or call our Customer Care Line at 1300-88-8787 or visit our website at <https://www.muamalat.com.my>.**

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan terdekat atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 1300-88-8787 atau layari laman sesawang Bank di <https://www.muamalat.com.my>.**